

15 NOV 1999

Samy-Tanding

SAMY VELLU TIDAK AKAN TINGGALKAN SUNGAI SIPUT

SUNGAI SIPUT, 15 Nov (Bernama) -- Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu hari ini mengesahkan beliau akan terus mempertahankan kerusi Parlimen Sungai Siput yang dimenangnya sejak tahun 1974 walaupun dijangka akan mendapat tentangan hebat dari calon DAP dan MDP.

"Saya tidak takut hadapi siapa sahaja dan tidak akan lari dari Sungai Siput," katanya ketika ditemui selepas mesyuarat jentera Barisan Nasional (BN) Sungai Siput di sini.

Beliau mendakwa calon yang lari daripada kawasan yang diwakili mereka sebagai tidak menjalankan tugas serta tidak mengambil tahu kepentingan rakyat yang diwakili mereka.

Oleh itu, Samy Vellu menyeru pengundi terutama kaum India supaya tidak menyokong calon pembangkang yang meninggalkan kawasan yang diwakilinya sebelum ini semata-mata untuk menentang pemimpin BN di kawasan tertentu.

Samy Vellu yang juga Menteri Kerja Raya dijangka menghadapi pertembungan tiga penjurong dengan calon DAP dan calon MDP di Sungai Siput dalam pilihan raya umum kali ini.

Naib pengerusi MDP yang juga pengerusi MDP Perak Mohamad Asri Othman telah mengesahkan akan bertanding di Sungai Siput manakala calon DAP yang disebut-sebut bertanding di kawasan itu ialah naib pengerusinya yang juga anggota Parlimen Teluk Intan M. Kula Segaran.

Dalam pilihan raya umum 1995, Samy Vellu yang turut menghadapi saingan tiga penjurong mengalahkan lawannya Lim Ah Guan (DAP) dan Mohammad Hashim Salim (PAS) dengan majoriti 15,610 undi.

Samy Vellu yang akan mengumumkan senarai calon MIC esok berkata dua muka baru daripada Wanita MIC turut dikemukakan sebagai calon bagi kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri di Selangor.

Beliau berkata MIC juga akan mengeluarkan buku khas mengenai perancangan dan pembangunan masyarakat India di negara ini esok selain mengedarkan lebih 100,000 pelekat khas "BN Prihatin" mulai Rabu ini.

"Masyarakat India mesti terus menyokong BN dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana pembangkang nyata tidak boleh bawa apa-apa kepada mereka," katanya.

-- BERNAMA

HJ RHM